

Perdana Menteri mahu ringgit terus kukuh

BH- 21/3/2007

Kekuatan nilai penting untuk pikat, beri keyakinan pelabur

PUTRAJAYA: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata negara memerlukan mata wang yang kukuh dan yakin pengeksport dapat menerima peningkatan nilai ringgit yang mengambil masa, tetapi dengan pergerakan yang stabil.

Dalam temu bual dengan *Reuters* dan *CNBC* semalam, Perdana Menteri berkata, beliau mengalu-alukan ringgit yang kukuh kerana petanda keyakinan pelabur.

"Saya beranggapan, kita mahu melihat ringgit bertambah kukuh. Saya percaya ia boleh bertambah kukuh. Saya percaya kekuatan ringgit adalah amat penting. Ia mencerminkan keyakinan dalam ekonomi dan inilah yang saya mahu," katanya.

Abdullah berkata demikian bagi mengulas spekulasi bahawa kerajaan mungkin membenarkan ringgit diperdagangkan di luar negara. Perdagangan ringgit di luar negara diharamkan sejak 1998 apabila kerajaan memperkenalkan kawalan modal ketika krisis kewangan Asia.

Bagaimanapun, beliau enggan mengulas mengenai kadar pertukaran secara khusus, tetapi hanya menjelaskan bahawa ringgit belum cukup kukuh bagi bersaing dengan mata wang lain di pasaran kewangan antarabangsa yang terdedah kepada spekulasi global.

"Saya percaya kita masih belum bersedia bagi dasar seumpama itu. Buat masa sekarang, berdasarkan pengamatan saya, ini bukanlah sesuatu

“Saya beranggapan, kita mahu melihat ringgit bertambah kukuh. Saya percaya ia boleh bertambah kukuh. Saya percaya kekuatan ringgit amat penting. Ia mencerminkan keyakinan dalam ekonomi dan inilah yang saya mahu”


Abdullah Ahmad Badawi
Perdana Menteri

yang memerlukan kita mengambil tindakan secara terdesak. Ini tidak menjadi isu langsung," katanya.

Malaysia menamatkan kawalan modal pada 1999, tetapi mengekalkan tambatan ringgit pada RM3.80 bagi setiap dolar Amerika sehingga Julai 2005 apabila kerajaan memperkenalkan pengapungan ringgit terurus.

Sejak itu, ringgit bertambah kukuh secara beransur-ansur berbanding dolar Amerika pada kadar 8.7 peratus. Ringgit diperdagangkan pada RM3.4955 bagi setiap dolar Amerika pada jam 11.45 malam tadi.

Semua pertukaran ringgit diken-



CERIA: Abdullah ketika diwawancara Reuters dan CNBC di pejabatnya di Putrajaya, semalam.

dalikan bank dalam negara yang berlesen.

Ditanya sama ada pengeksport dapat menerima peningkatan stabil tetapi secara beransur-ansur, Abdullah berkata, "Saya fikir mereka mampu jika peningkatannya perlahan. Saya tidak mahu melihat perubahan mendadak umpama yo-yo...naik dan turun."

Dalam perkembangan lain, Abdullah berkata, isu seperti janji untuk membanteras rasuah yang membantunya meraih kemenangan besar dalam pilihan raya umum 2004, memerlukan masa kerana setiap dakwaan

harus disiasat secara terperinci.

"Orang ramai ghairah mahu melihat mereka yang mengamalkan rasuah dihukum, tetapi saya sentiasa mengingatkan mereka bahawa kita perlu ada bukti yang benar-benar kukuh sebelum menghadapkan seseorang di mahkamah," katanya.

Di bawah pentadbiran Abdullah, bekas Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Kasitah Gadam didakwa atas tuduhan rasuah, manakala akhbar tempatan pula mendedahkan beberapa kes amalan rasuah di kalangan pegawai kanan kakitangan awam. - Reuters

REUTERS

NA
SHIP
ATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA